

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Tinjauan literatur ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu penggolongan kata bahasa Inggeris dan penggolongan kata bahasa Melayu. Bagaimanapun, usaha penggolongan ini bukan bermula daripada kajian terhadap bahasa Inggeris, melainkan telah dilakukan terlebih dahulu dalam bahasa Yunani dan Romawi. Plato dan Aristotle merupakan dua orang ahli fasafah Yunani yang mula-mula mengelompokkan perkataan kepada golongan-golongan tertentu berdasarkan kepada ayat asas dalam bahasa Yunani yang terbina daripada komponen subjek dan predikat (Robins, 1951:12). Perbezaan antara kedua-dua komponen ini mewujudkan dua golongan yang berbeza dan dianggap sebagai golongan utama, iaitu kata nama (*onema*) dan kata kerja (*rhema*).

Pada peringkat awal, kriteria semantik menjadi keutamaan dalam menggolongkan sesuatu kata. Menerusi kriteria ini, kata nama dan kata kerja dibezakan secara morfologi dengan penandaan kes untuk gender bagi kata nama, sementara kata kerja tidak boleh menerima penandaan kes untuk gender. Hal ini tidak dapat dielakkan kerana penggolongan kata dilakukan dari sudut falsafah dan dengan itu penelitian kata adalah berdasarkan fenomena sebenar yang berlaku dalam fitrah manusia. Asas-asas yang dimulakan oleh ahli falsafah Yunani dan

Romawi ini kemudiannya diteruskan oleh sarjana Eropah dalam menggolongkan perkataan, khususnya penggolongan kata bahasa Inggeris.

2.2 Penggolongan Kata Bahasa Inggeris

Dalam bahagian ini, tinjauan golongan kata bahasa Inggeris dijadikan asas penelitian disebabkan huraian bahasa Melayu tidak mempunyai tradisi yang panjang seperti bahasa Inggeris. Tambahan pula, huraian tatabahasa bahasa Melayu yang awal dihasilkan oleh peneliti berbangsa Inggeris seperti Marsden (1812), Crawford (1852), Maxwell (1882), Winstedt (1927), Lewis (1969) dan Payne (1970). Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan pengkategorian kata bahasa Melayu berasaskan penggolongan kata bahasa Inggeris. Walaupun terdapat penulis dalam kalangan bangsa Melayu, tetapi hasil tulisan mereka agak lewat dan dalam aspek penggolongan kata, tatabahasa bahasa Inggeris ini dijadikan asas penggolongan kata bahasa Melayu⁵. Walaupun tidak dinafikan bahawa bahasa Melayu mempunyai sistem tatabahasanya yang tersendiri yang berbeza daripada bahasa Inggeris, tetapi disebabkan oleh teori linguistik bahasa Inggeris yang begitu dominan, maka kajian ini memilih untuk meneliti penggolongan kata bahasa Inggeris berbanding bahasa-bahasa yang lain.

⁵ Dalam buku *Jalan Bahasa Melayu* (1937), dicatatkan bahawa "...*Jalan Bahasa Melayu* ini disusun mengikut kaedah mengarang bunga yang dipetik dari kebun Inggeris dan kebun Melayu" (Md. Said Sulaiman, 1993: xii-xiv). Begitu juga buku *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (1940), Za'ba menyatakan bahawa "Aturan rangkanya banyak ditiru...acuan nahu Inggeris dan sedikit-sedikit nahu Arab" (Za'ba, 1958: viii).

Penggolongan kata dalam bahasa Inggeris dapat dibahagikan kepada tiga pendekatan utama, iaitu pendekatan tradisional, pendekatan teoretikal, dan pendekatan data korpus berkomputer.

2.2.1 Pendekatan Tradisional

Pendekatan tradisional ialah kaedah penggolongan kata yang mementingkan aspek semantik sebagai kriteria utama. Kaedah yang dimulakan pada zaman Yunani dan Romawi ini digunakan sehingga abad ke-18 oleh ahli tatabahasa Eropah bagi penggolongan kata bahasa Inggeris (Gleason, 1965:27 dan Bloomfield, 1992: 7). Ini dapat dilihat menerusi hasil kerja Nesfield (1898), Otto (1917), Vigo Brøndel (1928), Vendvyes, (1921), dan Curme (1935) (dalam de Groot, 1949: 429-433, Michael, 1970: 48 dan Jurafsky dan Martin, 2000: 287). Bersandarkan kepada aspek makna, ahli tatabahasa ini mengelompokkan kata ke dalam golongan tertentu berdasarkan makna yang dikandung oleh kata tersebut (Fries, 1973: 67; Bloomfield, 1992: 305 dan Radford, 1994: 72). Oleh itu, berdasarkan kriteria ini, setiap golongan kata diberikan makna golongan atau definisinya. Pendefinisian golongan kata ini dapat dilihat dalam Curme (1935:1) dan ini ditunjukkan menerusi jadual yang berikut:

Jadual 2.1
Penggolongan Kata Tradisional

Golongan Kata	Pendefinisian Berasaskan Semantik
kata nama	nama bagi orang, tempat atau benda
kata kerja	perbuatan yang dilakukan
kata adjektif	kata yang menerangkan nama
kata adverba	kata yang menerangkan perbuatan

Berdasarkan jadual ini, definisi yang diberikan pada setiap golongan kata didapati praktikal dalam mencirikan sesuatu golongan, tetapi didapati asas dalam penggolongan tradisional ini menggunakan prinsip yang berbeza. Hal ini disebabkan kriteria yang digunakan bagi penggolongan kata ini tidak tekal bagi semua golongan. Kriteria semantik ini hanya diterapkan pada golongan kata nama dan kata kerja, manakala bagi kata adjektif dan adverba, kriteria fungsian pula yang digunakan. Kata adjektif misalnya ditakrifkan sebagai kata yang menerangkan kata nama, manakala kata adverba sebagai kata yang menerangkan kata kerja (Gleason, 1965:115 dan Fries, 1973:204). Hal ini menunjukkan dengan jelas bahawa dalam kaedah tradisional kriteria yang berbeza digunakan untuk mentakrifkan golongan kata yang berbeza. Pentakrifan seperti ini juga memperlihatkan bahawa dalam pendekatan tradisional kata nama dan kata kerja dijadikan sebagai asas dalam pentakrifan golongan kata.

Di samping itu, definisi golongan di atas merupakan makna umum bagi sesuatu golongan kata. Ciri makna yang dikongsi oleh semua ahli dalam sesuatu golongan secara tidak langsung telah mengandaikan bahawa wujudnya ciri yang seragam bagi semua kata dalam sesuatu golongan. Walau bagaimanapun, definisi

golongan ini tidak dapat diterapkan sepenuhnya terhadap semua perkataan yang menganggotai sesuatu golongan kerana tidak semua perkataan menepati definisi golongan tersebut. Dengan kata lain, wujud ketidakseragaman makna, iaitu tidak semua perkataan dalam sesuatu golongan mempamerkan makna yang sama. Contohnya perkataan *fire* dan *heat* tidak menepati definisi kata nama walaupun perkataan ini tergolong dalam kata nama disebabkan kedua-dua perkataan ini tidak menunjukkan, dengan jelas, bahawa ia menamakan sesuatu benda, perkara atau peristiwa (Bloomfield, 1992: 305).

Pada masa yang sama terdapat perkataan yang menepati definisi kata nama seperti *blue*, dan *red*; *run* dan *arrive*; dan *up* dan *across* (iaitu nama bagi warna, nama bagi perbuatan dan nama bagi sesuatu arah) tidak dimuatkan dalam golongan kata nama melainkan dalam golongan kata sifat, kata kerja dan kata arah masing-masing (Fries, 1973: 67). Contoh di atas menunjukkan bahawa penerapan kriteria yang implisit sifatnya menyebabkan huraian bagi penggolongan kata bersifat arbitrari dan hal ini menyukarkan penentuan golongan kata bagi sesuatu perkataan. Oleh itu, kriteria semantik sukar untuk dipertahankan sebagai kriteria utama dalam penggolongan perkataan. Hal ini menyebabkan ahli linguistik struktural seperti Robert (1954: 92), Fries (1973: 126-132) dan Radford (1994, 72-74) beranggapan bahawa selain kriteria semantik, kriteria yang berasaskan pendekatan teoritikal turut diperlukan dalam menentukan golongan kata.

2.2.2 Aspek Teoretikal

Perbincangan golongan kata berdasarkan aspek teoretikal dalam bab ini melibatkan empat pendekatan, iaitu pendekatan struktural, pendekatan tagmemik, pendekatan transformasi generatif dan pendekatan fungsional.

2.2.2.1 Pendekatan Struktural

Dalam penelitian golongan kata, asas yang digunakan oleh ahli struktural ialah sesuatu perkataan tidak dilihat secara terpisah-pisah atau terasing melainkan penggolongan kata ditentukan berdasarkan kehadiran sesuatu perkataan bersama-sama perkataan lain dalam binaan sintaksis. Aliran ini amat menekankan aspek fungsionalisme dan berdasarkan aspek ini, penelitian terhadap bahasa dilakukan dengan meneliti fungsi setiap bahagian dan bagaimana bahagian-bahagian ini berfungsi antara satu sama lain. Oleh itu, golongan kata ditentukan berdasarkan fungsi-fungsinya (Lyons, 1994: 238-243). Ahli-ahli linguistik struktural seperti Bloomfield (1935), Bloch dan Trager (1942), Fries (1973), Robert (1954), Hill (1958) dan Gleason (1965) telah menerapkan pendekatan ini dalam membincangkan aspek golongan kata.

Secara umumnya, sarjana struktural berpendapat bahawa golongan kata perlu diteliti berdasarkan konsep distribusi. Bloomfield (1992: 305), Bloch dan Trager, (1942: 69), Fries (1973: 59), Gleason (1965) dan Broderick (1975: 10-11) meneliti golongan kata berdasarkan dua aspek, iaitu distribusi luaran (external

distribution) dan struktur dalaman (internal structure). Distribusi luaran diteliti pada peringkat sintaksis, manakala struktur dalaman diteliti dari sudut morfologi (infleksi). Antara kedua-duanya, aspek yang diutamakan ialah distribusi luaran berbanding struktur dalaman, manakala aspek semantik pula tidak dijadikan kriteria utama. Hal ini disebabkan aspek semantik dianggap sebagai aspek yang sukar untuk diperjelaskan, walaupun pada kelazimannya definisi golongan turut memuatkan aspek ini.

Dalam penggolongan kata yang dilakukan oleh Bloch dan Trager (1942: 60), Fries (1973:72-73), Robert (1954: 10) dan Bloomfield (1992: 43) penentuan golongan dilakukan pada aras sintaksis. Hal ini disebabkan Bloch dan Trager (1942:71), Broderick (1975: 12) dan Parker (1994:67) menganggap bahawa sintaksis dimanifestasikan bukan sekadar menerusi urutan perkataan, tetapi sebenarnya dinyatakan dari sudut urutan golongan kata. Dengan itu, analisis golongan kata dapat dilakukan dengan meneliti jalinan yang wujud antara satu kata dengan kata lain yang terdapat dalam sesuatu ayat. Apabila kajian golongan kata diteliti pada aras sintaksis ini, maka struktur sintaksis dilihat dari segi konstituen terdekat yang lazimnya terdiri daripada konstituen pelaku dan perbuatan. Konstituen yang berbeza ini dikatakan terdiri daripada dua gatra yang boleh diisi oleh pelbagai unsur dan unsur ini terdiri daripada golongan kata. Menurut Robins (1964:224) golongan kata berasaskan sintaksis diteliti berdasarkan tiga dimensi, iaitu:

- i. posisi atau kedudukan sesuatu kata dalam sesuatu struktur.
- ii. kehadiran kata tersebut bersama-sama perkataan lain.
- iii. kemungkinan untuk kata tersebut mengalami penggantian.

Pada aras sintaksis ini, Fries (1973: 76) dan Broderick (1975: 51-54) telah menggunakan pola diagnostik (*diagnostic patterns*) atau kerangka ujian (*test frames*). Menerusi kaedah ini, Fries (1973) dan Broderick (1975) meneliti golongan kata dari dua aspek, iaitu aspek sintagmatik dan paradigmatic. Menerusi aspek sintagmatik ini, jalinan antara satu golongan kata dengan golongan kata yang lain dalam struktur ayat diteliti, manakala menerusi aspek paradigmatic diteliti set perkataan yang mengisi sesuatu posisi/gatra. Oleh itu, menerusi kaedah ini, penentuan setiap golongan kata berdasarkan kepada posisi dan fungsinya serta hubungannya dengan golongan kata yang lain. Penelitian seperti ini membolehkan takrifan sesuatu golongan kata dilakukan. Jadual di bawah menunjukkan penggolongan kata oleh Fries (1973) yang didasarkan kepada kriteria distribusi.

Jadual 2.2
Kriteria Distibusi

Golongan Kata	Posisi
Kelas 1 ⁶ / kata nama	Subjek
Kelas 2 / kata kerja	Predikat
Kelas 3 / kata adjektif	Pelengkap predikat
Kelas 4 / kata adverba	Penerang kata adjektif

Berdasarkan jadual di atas, Fries (1973) mentakrifkan setiap golongan kata berdasarkan posisi atau kehadiran kata tersebut di dalam ayat. Bagaimanapun, menurut Fries (1973: 78), sesuatu golongan kata tidak terbatas posisinya, iaitu selain daripada mengisi posisi subjek, kata nama misalnya juga boleh mengisi

⁶ Fries (1973) tidak menggunakan istilah yang khusus bagi merujuk golongan tertentu kerana beliau menolak pendekatan berasaskan semantik. Oleh itu, istilah yang lebih arbitrari digunakan, iaitu Kelas 1, 2, 3 dan 4 bagi empat golongan kata yang utama dan Kelompok A, B, C dan seterusnya bagi lima belas lagi golongan kata tugas. Kelas 1, 2, 3, dan 4 ini sepadan dengan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba.

posisi pelengkap atau objek. Hal ini berarti setiap golongan kata mempunyai kepelbagaian fungsi. Pendekatan yang digunakan oleh Fries (1973) dan Broderick (1975) ini bukan sekadar mentakrifkan kata berdasarkan posisi sesuatu golongan, tetapi turut meneliti urutan golongan kata di dalam ayat. Kata nama misalnya dianggap sebagai golongan kata yang mendahului kata kerja. Penelitian golongan kata oleh golongan struktural ini didapati lebih konsisten berbanding pendekatan tradisional kerana semua golongan kata diperlakukan dengan cara yang sama, iaitu kriteria penggolongan yang sama diterapkan pada semua golongan kata.

Di samping posisi kata dalam ayat, pendekatan struktural juga menentukan golongan kata berdasarkan struktur dalaman, iaitu berdasarkan aspek morfologi. Menerusi kaedah ini, imbuhan menjadi penanda golongan kata. Dalam bahasa Inggeris, sebahagian besar imbuhan fleksi dan terbitan menjadi penanda golongan, misalnya kata kerja boleh diakhiri dengan imbuhan *-ed* (*sewed*), *-n* (*sewn*) dan *-ing* (*sewing*), manakala imbuhan akhiran *-y* (*muddy, stony*), *-ful* (*beautiful, faithful*), *-less* (*timeless, lawless*), *-en* (*rotten, golden*) dan *-ive* (*constructive, excessive*) menjadi penanda kata adjektif. Justeru, dengan meneliti kehadiran imbuhan-imbuhan tertentu, golongan sesuatu kata dapat dikenal pasti.

Sama seperti kriteria semantik, kriteria morfologi ini juga tidak dapat digunakan sepenuhnya sebagai penanda bagi sesuatu golongan kata. Ini disebabkan sesetengah imbuhan hadir bersama-sama golongan kata yang lain, contohnya akhiran *-en*, *-ive*, dan *-ly* yang mempunyai frekuensi yang tinggi kehadirannya bersama-sama kata adjektif juga boleh hadir bersama-sama kata nama (*directive*), kata kerja (*redde*), dan adverba (*quickly, vigorously*). Di

samping itu, kriteria morfologi yang turut menggolongkan kata berdasarkan hubungan paradigmatis, contohnya penggolongan kata adjektif yang berikut:

pretty	hot	big
prettier	hotter	bigger
pretiest	hottest	biggest

masih tidak memberi gambaran bahawa semua kata adjektif mempunyai pola paradigmatis yang sama. Perkataan *beautiful*, *temperate*, *sizable* tidak mempunyai bentuk lazim bagi kata adjektif yang ditunjukkan dalam contoh di atas.

Menurut Boleda, Badia dan Battle (2004: 50), “morphology is not sufficient for a reliable classification because it is by no means a one-to-one relationship”. Dengan sebab itu, bagi menentukan penggolongan kata sifat seperti ini, ahli-ahli linguistik struktural lebih mengutamakan penelitian terhadap kehadiran kata dalam sesuatu binaan sintaksis.

2.2.2.2 Pendekatan Tagmemik

Teknik gatra dan unsur pengisi (*slot and filler*) yang diperkenalkan oleh struktural hanya berdasarkan golongan kata sahaja atau berdasarkan fungsi sahaja. Oleh itu, golongan kata dan fungsi dilihat secara terpisah (Dik, 1978:12 dan Dik, 1997 : 25-26). Model yang bersifat golongan ini kemudiannya dimajukan lagi oleh Pike dengan memperkenalkan model tagmemik yang menggunakan unit fungsi dan bentuk (*function – form unit*). Oleh itu, unit asas tatabahasa tidak dilihat secara terpisah-pisah, contohnya berdasarkan fungsi sahaja seperti Subjek

– Predikat – Objek atau berdasarkan golongan kata sahaja seperti Kata Nama – Kata Kerja – Kata Adjektif, melainkan korelasi antara fungsi dengan golongan kata. Justeru, analisis yang dilakukan bukan berdasarkan turutan, tetapi untaian unsur kolateral atau analisis unsur untaian (*string analysis*) kerana untaian dipisahkan berdasarkan fungsinya dan bukan berdasarkan konstituen terdekat seperti yang terdapat dalam model tatabahasa sebelum ini (Cook, 1969: 6-7, Robins, 2003: 269-270). Contoh *function – form unit*:

[Subjek : Nama]+ [Predikat : Kerja]+ [Objek : Nama]

Berdasarkan analisis unsur untaian ini, ditunjukkan bahawa unit asas tatabahasa perlulah terdiri daripada gabungan antara fungsi dan golongan kata yang terlibat. Oleh itu, contoh di atas diungkapkan sebagai gatra subjek diisi oleh frasa nama, gatra predikat diisi oleh frasa kerja dan gatra objek diisi oleh frasa nama. Analisis yang menunjukkan korelasi antara fungsi (gatra) dan golongan kata (pengisi) ini dapat menjelaskan fungsi yang dimainkan oleh sesuatu golongan kata. Contohnya *Bill hit Joe – Bill* merupakan Kata Nama Khas yang mengisi gatra subjek dan berperanan sebagai pelaku/*actor*, manakala *Joe* yang juga Kata Nama Khas, tetapi mengisi gatra objek telah berubah peranannya, iaitu sebagai penderita/*undergoer* (Pike dan Pike, 1977:35). Pendekatan seperti ini membolehkan ahli tagmemik menentukan golongan kata berserta fungsinya secara serentak dan daripada contoh ini, dapat dibezakan fungsi kata nama, iaitu kata nama yang mengisi gatra subjek berfungsi sebagai pelaku, manakala yang mengisi gatra objek berfungsi sebagai penderita.

Model ini juga dapat menghuraikan bahawa bahasa yang mempunyai pelbagai golongan kata yang berbeza boleh menjalankan fungsi yang sama. Contohnya kata nama, kata kerja atau kata adjektif boleh berfungsi sebagai predikat, dan sebaliknya golongan kata yang sama mungkin melakukan pelbagai fungsi yang berbeza, misalnya kata nama boleh berfungsi sebagai subjek, predikat dan objek. Bahkan posisi dan fungsi ini boleh mengubah golongan sesuatu kata. Misalnya, perkataan *round* boleh digolongkan ke dalam golongan kata yang berbeza berdasarkan posisi dan fungsinya. Contoh:

- 4a. One round is enough. (kata nama)
- 4b. You round the bend too quickly. (kata kerja)
- 4c. A round tower (kata sifat)
- 4d. He came round. (kata adverb)
- 4e. He wondered around the tower. (kata sifat)

(Robins, 1964: 229)

Contoh di atas juga menjelaskan bahawa gatra umumnya berada dalam posisi yang tetap, tetapi unsur pengisi (golongan kata) boleh berubah-ubah kedudukannya, iaitu unsur pengisi ini boleh hadir lebih daripada satu gatra. Justeru, golongan kata ditentukan berdasarkan kepada gatra kerana menerusi gatra ini fungsi sesuatu golongan kata dapat dikenal pasti dan menerusi fungsi inilah golongan kata tersebut boleh didefinisikan (Cook, 1969:15). Berdasarkan kepada pendekatan tagmemik ini, disimpulkan bahawa huraian yang diberikan terhadap golongan kata tidak jauh berbeza daripada pendekatan struktural. Aspek yang berbeza ialah tatabahasa tagmemik menganalisis bahasa dengan meneliti fungsi dan golongan secara serentak, manakala struktural berdasarkan golongan atau fungsi sahaja.

2.2.2.3 Pendekatan Transformasi Generatif

Berbanding aliran struktural, aliran transformasi generatif melakukan penggolongan kata berasaskan fitur distingtif duaan (*binary feature – based approaches*) (Bhat, 1994: 248, Tucker, 1998: 52, Baker, 2003: 1). Jadual yang berikut menjelaskan pendekatan fitur distingtif duaan oleh Chomsky (1965) dan Jackendoff (1977) (dalam Bhat, 1994: 249 dan Baker, 2003: 2,11).

Jadual 2.3
Kategori dan Fitur Distingtif Duaan

Kategori	Fitur Distingtif Duaan	
	Chomsky	Jackendoff
kata nama	+ KN, – KK	+ subjek, – objek
kata kerja	– KN, + KK	– subjek, + objek
kata sifat	+ KN, + KK	– subjek, – objek
kata preposisi	– KN, – KK	– subjek, + objek

Nota : KN = kata nama
 KK = kata kerja

Berdasarkan jadual tersebut, Chomsky menggunakan fitur +/- KN dan +/- KK dalam menentukan penggolongan kata. Fitur ini berasaskan kepada konsep substantif dan predikat, iaitu konsep yang terdapat dalam kategori sintaksis (lihat *Aspect*, 1965). Berdasarkan kepada fitur ini, golongan kata nama dan kata kerja telah dibezakan sepenuhnya, iaitu meletakkan fitur +KN untuk golongan kata nama dan +KK untuk golongan kata kerja. Bagi kata sifat, golongan ini berkongsi ciri-ciri sintaksis kata nama dan kata kerja⁷, manakala bagi kata preposisi, golongan kata ini dikatakan tidak mempunyai kedua-dua ciri kata nama dan kata

⁷Bhat (1994: 248) mengistilahkan kata sifat yang berkongsi ciri kata nama dan kata kerja sebagai *mixed category*.

kerja tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa asas penggolongan kata yang digunakan oleh Chomsky ialah kata nama dan kata kerja. Asas penggolongan ini menyamai penggolongan yang dimulakan oleh Plato dan Aristotle, iaitu kata terdiri daripada dua golongan utama, iaitu kata nama dan kata kerja dan daripada kedua-dua golongan ini, golongan kata yang lain (kata sifat dan kata preposisi) ditakrifkan.

Pendekatan distingtif duaan ini membolehkan ahli-ahli linguistik transformasi membuat generalisasi tentang golongan kata, antaranya seperti Jackendoff (1977), Déchaine (1993), Bresnan (1982) dan Baker (2003) (dalam Baker, 2003: 12-13). Mereka turut menggunakan asas yang sama dalam penggolongan kata, Jackendoff misalnya menggunakan analisis yang hampir menyamai analisis Chomsky, tetapi menggunakan konsep tatabahasa, iaitu +/- subjek dan +/- objek. Namun begitu, analisis yang dihasilkan oleh Jackendoff ini berbeza daripada Chomsky, iaitu dari segi kelas natural, iaitu sistem Jackendoff ini menunjukkan bahawa kata nama dan kata kerja merupakan golongan kata natural (*natural classes of category*), tetapi tidak bagi Chomsky (Baker, 2003: 11). Walaupun sistem Jackendoff ini mampu menjelaskan penggolongan kata dan dijadikan asas dalam penggolongan kata oleh Bresnan (dalam *Lexical Functional Grammar*), tetapi menurut Muysken dan Van Riemsdijk (1985) (dalam Bhat, 1994: 251), analisis Jackendoff ini sukar dipertahankan kerana konsep subjek dan objek merupakan dua konsep tatabahasa dan konsep ini tidak sesuai digunakan bagi penentuan golongan kata. Bahkan sistem ini juga tidak bersifat sejagat seperti pendekatan transformasi yang lain (Baker, 2003:11).

Di samping itu, aliran transformasi juga menekankan aspek kata inti / kata kepala (headedness) dalam penentuan golongan kata, khususnya dalam Teori X-Berpalang. Menerusi aspek ini, setiap binaan tatabahasa – frasa/klausa/ ayat – dikatakan mempunyai kata inti. Bagaimanapun, menurut Zwicky (1995) terdapat tiga asas dalam menentukan kata inti, iaitu *semantic argument*, *semantic functor* dan *morposyntactic locus* (dalam Bhat, 1994: 266-267). Asas yang berbeza ini telah menimbulkan perbezaan dalam penentuan kata inti. Contohnya dalam frasa (a) *control those penguins* dan frasa (b) *those penguins* mempunyai inti yang berbeza disebabkan asas yang berbeza.

		<i>Semantic argument</i>	<i>Semantic Functor</i>	<i>Morposyntactic Locus</i>
Kata Inti	(a)	those penguins	control	control
	(b)	penguins	those	penguins

Disebabkan wujudnya ketidaktekalan dalam menentukan kata inti ini, maka sukar untuk menjadikan konsep kata inti ini sebagai asas dalam penentuan golongan kata.

Penentuan golongan kata berdasarkan fitur duaan ini memberi implikasi bahawa sama ada sesuatu kata memiliki ciri golongan [+] atau tidak memiliki ciri golongan [-]. Hal ini menyebabkan setiap golongan kata mempunyai batasan yang jelas, iaitu kata yang mempunyai ciri tertentu merupakan ahli kepada sesuatu golongan dan sebaliknya yang tidak mempunyai ciri tersebut dianggap sebagai bukan ahli golongan. Bahkan, teori transformasi yang turut mementingkan struktur dasar yang sama dan struktur yang sempurna telah mengabaikan aspek keutamaan (centrality) yang terdapat dalam sesuatu golongan kata. Hal ini disebabkan struktur dasar yang sama tidak membolehkan pelbagai tahap

perbezaan wujud dalam sesuatu golongan kata (Hopper dan Thompson 1984: 707). Semua ahli yang menganggotai sesuatu golongan dianggap sebagai mempunyai status yang sama (Taylor, 1990: 23-24).

2.2.2.4 Pendekatan Fungsional

Berbeza dengan aliran transformasi yang menjadikan kata nama dan kata kerja sebagai asas penentuan golongan kata di samping aspek kata inti, aliran fungsional pula menggunakan konsep prototaip. Konsep yang dipelopori oleh Eleanor Rosch (1978) ini menganggap bahawa sesetengah ahli bagi sesuatu golongan lebih menonjol (lebih tipikal) sifat atau cirinya berbanding ahli-ahli yang lain. Oleh itu, ahli yang menganggotai sesuatu golongan merupakan elemen yang berbeza dan mempunyai status yang berbeza, iaitu sesuatu golongan bukan sahaja dianggotai oleh ahli tipikal, tetapi turut diisi oleh ahli yang periferi sifatnya (lihat 4.2). Konsep ini secara tidak langsung telah mengetengahkan aspek keutamaan (centrality) bagi sesuatu golongan kata. Dik (1978), Dixon (1982), Hopper dan Thompson (1984), Quirk et al. (1985), Croft (1991), Hengeveld (1992), Givon (1993), Bhat (1994) Beck (2002), Dixon (2004) serta Arista dan Ana (2004) antara ahli fungsional yang menggunakan konsep prototaip untuk membezakan sesuatu golongan kata.

Menerusi konsep ini, setiap golongan kata mempunyai fungsi tipikalnya yang tersendiri dan fungsi tipikal ini diteliti dari dua aspek, iaitu fungsi semantik dan fungsi sintaktik. Bagi fungsi semantik, Dixon (1982), Hopper dan Thompson

(1984) dan Givón (1984) berpendapat bahawa golongan kata secara tipikal berbeza dari segi kriteria waktu. Fungsi semantik bagi golongan kata ini ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jadual 2.4
Golongan Kata dan Fungsi Prototaip – Semantik

Golongan Kata	Fungsi Prototaip – Semantik
Kata Kerja	peristiwa/perbuatan – bersifat dinamik dan berlaku dalam jangka waktu yang singkat
Kata Nama	objek/benda – melibatkan jangka waktu yang panjang
Kata Sifat	sifat sesuatu – melibatkan jangka waktu yang sederhana (tidak terlalu singkat atau terlalu lama)

Bagaimanapun, Croft (1991), Hengeveld, (1992), Bhat (1994) , Dik (1997) dan Beck (2002), berpendapat bahawa golongan kata boleh ditentukan dengan meneliti fungsi sintaktiknya, iaitu berdasarkan fungsi setiap golongan kata di dalam ayat/wacana. Ini dijelaskan menerusi jadual yang berikut:

Jadual 2.5
Golongan Kata dan Ciri Tipikal / Prototipikal

Golongan Kata	Ciri tipikal / Prototipikal
Kata Kerja	berfungsi sebagai predikat
Kata Nama	berfungsi sebagai subjek atau objek
Kata Sifat	berfungsi sebagai penerang

Bagaimanapun, penggolongan atau kategori menurut Rosch (1978: 35) tidak mempunyai garis pemisah yang jelas. Oleh itu, ahli yang menganggotai sesuatu golongan turut mempunyai ciri atau kriteria golongan kata yang lain. Oleh itu, ahli fungsional ini bukan sekadar meneliti golongan kata berdasarkan fungsi tipikalnya sahaja, tetapi fungsi yang tidak tipikal bagi golongan kata turut diteliti.

Hengeveld (1992: 51, 57) misalnya yang meneliti fungsi kata nama, kata kerja dan kata sifat yang tidak tipikal berpendapat bahawa dalam menjalankan fungsi ini, golongan kata cenderung untuk mempunyai ukuran tambahan (*further measure*), misalnya kata kerja yang berfungsi sebagai penerang memerlukan partisipel atau klausa relatif berbanding kata sifat dalam fungsi penerang tidak memerlukan ukuran tambahan (*without further measures*). Croft (1991) dan Beck (2002) turut meneliti aspek ini dan menggunakan istilah kebertandaan (*markedness*) bagi golongan kata yang menjalankan fungsi golongan kata yang lain.

Menurut Bhat (1994:251-252) dan Beck (2002: 32-34), apabila sesuatu golongan kata hadir dalam fungsi yang bukan tipikal, maka golongan kata tersebut cenderung untuk kehilangan beberapa kriteria yang dimilikinya dan mula menerima kriteria golongan kata yang didudukinya. Kehilangan kriteria ini diistilahkan sebagai nyah golongan, manakala penerimaan kriteria yang baharu diistilahkan sebagai penggolongan semula. Oleh itu, kajian ini tidak sahaja meneliti fungsi sintaktik prototaip bagi kata sifat, tetapi turut meneliti fungsi yang bukan prototaip bagi kata sifat, iaitu kata sifat yang menjalankan fungsi predikat dan fungsi penerang predikat. Bagaimanapun, dalam kajian ini, ukuran tambahan atau kebertandaan ini tidak diberikan penekanan kerana dalam bahasa Melayu, khususnya kata sifat amat sedikit untuk kata dasarnya berubah bentuk (menerima imbuhan) apabila hadir dalam fungsi bukan tipikalnya (fungsi predikat atau penerang predikat). Perbincangan lanjut berkaitan penggolongan kata sifat dikemukakan dalam Bab 4.

2.2.3 Pendekatan Berasaskan Data Korpus Berkomputer

Seperti yang diperkatakan pada bahagian 1.2.2, kajian yang berasaskan kepada data korpus lebih mengkhususkan kajian terhadap asosiasi leksikal atau nahu. Oleh hal yang demikian, pendekatan seperti ini lebih khusus sifatnya, iaitu penelitian sesuatu aspek tatabahasa tidak dilakukan secara umum, tetapi lebih kepada penelitian secara khusus terhadap sesebuah golongan kata atau terhadap bentuk-bentuk kata tertentu. Hal ini disebabkan dengan menggunakan data korpus berkomputer yang tinggi jumlahnya, perlakuan sesuatu kata dapat diselidiki dengan lebih mendalam dan pola-pola lazim sesuatu kata ditunjukkan dengan jelas. Hal ini secara tidak langsung telah menyebabkan kajian golongan kata berasaskan data korpus lebih tertumpu pada pola bagi sesebuah golongan kata berbanding kajian golongan kata secara umum. Penelitian kata sifat berdasarkan data korpus berkomputer dapat dilihat dalam kajian Raskin dan Nirenburg (2007), Magnusson (2004), Boleda, Badia, dan Batlle, (2004) dan Rayson, Wilson dan Leech (2005).

Raskin dan Nirenburg (2007) melakukan penggolongan kata sifat berdasarkan aspek pemakaian dengan menggunakan peranti analisis semantik mikrokosmos. Menerusi pendekatan ontologi, kata sifat dibezakan daripada golongan kata yang lain menerusi makna “scalar” yang didukung oleh kata tersebut. Ini dijelaskan menerusi jadual yang berikut:

Jadual 2.6
Penggolongan Kata Sifat : Pendekatan Ontologi

Subgolongan Kata Sifat	Makna : Konsep Ontologi
<i>Scalar Adjective</i>	sifat/ciri
<i>Denominal Adjective</i>	objek
<i>Deverbal Adjective</i>	proses

Daripada makna konsep “scalar” ini, kata sifat dibahagikan kepada tiga subgolongan kecil, iaitu *scalar adjective*, *denominal adjective* dan *deverbal adjective*. Kata yang digolongkan sebagai *scalar adjective* merupakan kata yang mempunyai ciri skala yang tinggi dan kata dalam subgolongan ini boleh berfungsi sebagai penerang dan predikat. Dalam kajian ini, Raskin dan Nirenburg (2007) juga mendapati bahawa perbezaan dalam perlakuan sintaktik kata sifat menimbulkan perbezaan dalam semantik.

Dalam kajian Boleda, Badia dan Batlle (2004), penelitian terhadap data korpus berkomputer dilakukan untuk mendapatkan maklumat semantik kata sifat bahasa Catalan. Berdasarkan gugusan kata sifat dan berpandukan bukti sintaktik yang sederhana (*shallow syntactic evidance*), distribusi kata sifat di dalam ayat diteliti. Menerusi kajian ini, didapati bahawa maklumat sintaktik adalah lebih utama dalam menentukan kelas semantik kata sifat berbanding maklumat morfologi. Berdasarkan maklumat sintaktik ini, kata sifat bahasa Catalan disubgolongkan kepada tiga, seperti yang ditunjukkan oleh jadual 2.7 yang berikut:

Jadual 2. 7
Kata Sifat : Makna dan Posisi dalam Sintaktik


Kata Sifat	Makna	Posisi
Tunggal	Penerang kata nama	Bebas - hadir sebelum dan selepas kata nama
Komponen objek	Penerang objek	Terbatas - hadir selepas kata nama objek
Komponen peristiwa	Penerang kepada sesuatu peristiwa	Tetap - predikat

Oleh itu, berdasarkan kajian terhadap bahasa Catalan ini, penentuan kata sifat dilihat dari dua aspek, iaitu aspek sintaktik dan aspek semantik. Penelitian Boleda, Badia dan Batlle (2004) ini dianggap lebih lengkap berbanding kajian Raskin dan Nirenburg (2007) disebabkan asas penggolongan kata sifat mereka menggunakan kedua-dua kriteria. Oleh itu, kesimpulan yang dibuat terhadap kata sifat lebih tepat kerana untuk makna tertentu, hanya posisi tertentu yang boleh diisi oleh kata sifat tertentu.

Magnusson, (2004) pula meneliti korelasi antara fungsi (fungsi penerang dan predikat) sejumlah 3372 kata sifat *real* dan kata yang berkolokasi dengannya berdasarkan data yang terdapat dalam *British National Corpus Version 1.0* (BNC). Bagi setiap fungsi dan kata yang berkolokasi dengan perkataan *real* ini, domain semantiknya diteliti. Berdasarkan penelitiannya, didapati bahawa dalam fungsi penerang, kata sifat *real* lazimnya diikuti oleh kata nama abstrak berbanding kata nama konkrit. Dalam keadaan ini, domain semantik bagi kata sifat *real* ialah kata yang berkaitan dengan permasalahan, kemungkinan terhadap sesuatu, diskriminasi, istilah kewangan, pengaruh, ikatan perhubungan, dan emosi. Dalam fungsi predikat pula, kata sifat *real* lazimnya memiliki domain semantik yang

berkaitan dengan warna, dimensi, impian seseorang, nilai, manusia, masalah dan pengorbanan. Oleh itu, dengan menggunakan data korpus, kajian Magnusson ini dapat meneliti domain semantik perkataan *real* bagi setiap fungsinya di dalam ayat.

Rayson, Wilson, dan Leech (2005) pula meneliti hubungan antara kekerapan kehadiran sesuatu golongan kata dengan jenis teks. Dengan menggunakan *British National Corpus (BNC)* yang telah ditandai oleh golongan kata, dapatan kajian bagi kata sifat adalah seperti yang berikut:



Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, didapati kata sifat mempunyai kekerapan yang tinggi dalam teks tulisan yang terdiri daripada teks yang bermaklumat seperti teks sains, dan ekonomi, berbanding teks imaginatif atau lisan.

Hasil daripada kajian kata sifat berasaskan data korpus berkomputer ini, didapati bahawa dengan menggunakan maklumat sintaktik, penggolongan kata sifat dapat dijelaskan dengan baik berbanding maklumat morfologi. Kata sifat dapat ditentukan golongannya sama ada penggolongan semantik atau penggolongan fungsian. Satu aspek yang lebih penting lagi ialah penggunaan data korpus membolehkan kajian terhadap kata sifat dilakukan dengan mendalam disebabkan jumlah data yang tinggi dan menerusi posisi, asosiasi leksikal dan kata

yang hadir di sekitar sesuatu kata sifat dapat menjelaskan perlakuan dan ciri sebenar sesuatu kata sifat.

2.3 Penggolongan Kata Bahasa Melayu

Pada peringkat awal, usaha penggolongan kata dalam bahasa Melayu telah dilakukan oleh sarjana Barat. Usaha ini telah dilakukan sejak awal abad ke-19 lagi, antaranya Marsden (1812), Crawfurd (1852), Maxwell (1882), Winstedt (1927), Payne (1970) dan Lewis (1969). Di samping itu, usaha menggolongkan kata turut dilakukan oleh orang-orang Melayu. Menerusi buku-buku tatabahasa yang dihasilkan golongan kata dihuraikan secara ringkas, antaranya *Kitab Permulaan Pertuturan Melayu* (1911) oleh Abdullah Abdul Rahman; *Senjuh Suratan*, (1922) oleh Mohd. Shah Yusof; *Kitab Punca Bahasa*, (1928) oleh Abdullah Talib; *Kitab Penanggam Bahasa*, (1936) oleh Syed Muhammad Othman Yahya; *Jalan Bahasa Melayu*, (1937) oleh Md. Said Sulaiman, dan *Pelita Bahasa Melayu, Penggal 1*, (1940) oleh Zainal Abidin Ahmad. Di samping itu, *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1857), yang dihasilkan oleh Raja Ali Haji turut memuatkan penggolongan kata (dalam Harimurti Kridalaksana, 1975: 526-532).

Dalam buku tatabahasa kini, khususnya buku untuk kegunaan sekolah aspek golongan kata turut dibincangkan dan huraianya memperlihatkan pendekatan ilmu linguistik moden. Lazimnya, golongan kata ini dibincangkan bersama-sama aspek lain seperti imbuhan, penggandaan, pemajmukan dan sintaksis. Antara yang membincangkan aspek ini ialah Abdullah Hassan, *The*

Morphology of Malay, (1972); *Penerbitan Kata Dalam Bahasa Malaysia*, (1986); Asmah Hj. Omar, *Words Classes in Malay*, (1968/1993a); *Nahu Melayu Mutakhir*,(1993b); Arbak Othman (1981), *Tatabahasa Bahasa Malaysia*; Nik Safiah Karim et al., *Tatabahasa Dewan*, (1986) dan Hashim Musa, *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Satu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif*, (1993).

Bagaimanapun, buku-buku ini hanyalah menyatakan golongan kata yang terdapat dalam bahasa Melayu, tetapi kriteria penggolongan kata tidak banyak dibincangkan. Menurut Teeuw (1962: 412), kriteria/kaedah penggolongan kata dalam bahasa Melayu hanya dihuraikan pada tahun 1949 oleh Gonda menerusi artikelnya “*Prolegomena tot een theorie der woordsoorten in Indoneesische talen*”. Bagaimanapun, hasil kerja Gonda ini tidak sistematik kerana kriteria semantik, sintaksis dan morfologi yang digunakan terlalu arbitrari sifatnya. Oleh itu, Teeuw telah menghasilkan artikel yang bertajuk “*Some Problems In The Study of Word Classes in Bahasa Indonesia*” (1962). Bagaimanapun, kaedah yang dikemukakan oleh Teeuw lebih tertumpu kepada kata sifat tanpa membincangkan golongan kata yang lain.

Selepas itu, barulah kriteria atau kaedah penggolongan kata bahasa Melayu dibincangkan oleh orang-orang tempatan dan perbincangan ini dapat dilihat dalam artikel yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji tempatan antaranya seperti Asmah Hj. Omar (1962, 1968/1993a), Law Yock Fang (1967), Asraf Abdul Wahab (1978) dan Abdullah Hassan (1986). Didapati kriteria yang digunakan untuk penggolongan kata dalam bahasa Melayu ini hampir menyamai kriteria

penggolongan kata bagi bahasa Inggeris. Hal ini dapat dilihat dengan jelas menerusi tulisan Asmah Hj. Omar(1962, 1968/1993a), Abdullah Hassan(1986), Law Yock Fang (1967), Asraf Abdul Wahab (1978) dan Nik Safiah Karim (1986). Dalam penggolongan kata bahasa Melayu, didapati tiga pendekatan digunakan, iaitu pendekatan semantik, pendekatan struktural dan pendekatan transformasi generatif. Pendekatan semantik ini dapat dilihat dalam penggolongan kata bahasa Melayu pada peringkat awal, iaitu yang digunakan oleh Za'ba (1958), manakala pendekatan struktural dapat diteliti dalam tulisan Asmah Hj. Omar (1962, 1968/1993a), Abdullah Hassan (1986), Law Yock Fang (1967) dan Asraf Abdul Wahab (1978). Bagi pendekatan transformasi generatif, pendekatan ini digunakan oleh Nik Safiah Karim (1986, 2008), Hashim Musa (1993) dan Ramli Salleh (1995). Disebabkan kriteria penggolongan kata tidak melibatkan kriteria tunggal, maka dalam bahagian yang berikut ini ketiga-tiga aspek dibincangkan, iaitu pendekatan semantik/tradisional, pendekatan struktural dan transformasi generatif.

2.3.1 Pendekatan Tradisional

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pendekatan tradisional mengutamakan aspek semantik dan bagi bahasa Melayu, kaedah ini turut digunakan, tetapi digabungkan dengan kaedah-kaedah yang lain. Berdasarkan kriteria semantik kata nama, misalnya, dihuraikan sebagai kata yang menamakan orang, tempat atau benda, manakala kata yang menunjukkan perbuatan, dianggap sebagai kata kerja (Asmah Hj. Omar, 1993a: 163). Di samping penentuan golongan utama, aspek semantik juga digunakan untuk mengelompokkan

golongan kata kepada beberapa subgolongan. Kata nama, misalnya, dibahagikan kepada tiga subgolongan, iaitu kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama berasaskan ciri-ciri makna yang didukung oleh perkataan tersebut. Kata nama khas misalnya ditakrifkan sebagai rujukan khusus bagi nama orang, haiwan, penda, perbadanan dan seumpamanya, manakala kata nama am ditakrifkan sebagai benda, perkara atau konsep yang umum sifatnya (Nik Safiah Karim, 1995: 97-100).

Kriteria makna ini dapat dilihat dengan jelas dalam bahasa Melayu disebabkan penggolongan kata merupakan aspek yang lazimnya dimuatkan di dalam buku tatabahasa, khususnya untuk kegunaan sekolah. Menurut Quirk et al. (1985: 74), pendekatan yang bersifat notional ini sesuai digunakan untuk tujuan pedagogi, tetapi dalam kajian linguistik definisi golongan kata yang berasaskan konsep tatabahasa⁸ lebih wajar digunakan. Hal ini disokong oleh Robert, (1954:5) dengan menyatakan bahawa “grammar is a description of how things are said, not of how they should be said”. Tambah beliau lagi “Most English grammars ... describe how things are said by the educated, but of course it would be possible to describe how things are said by the uneducated or by the semieducated”.

Justeru, penggantungan sepenuhnya terhadap kriteria semantik semata-mata dalam menentukan penggolongan sesuatu kata adalah tidak wajar. Hal ini demikian kerana penggolongan unsur-unsur tatabahasa tersebut bersifat notional, iaitu berdasarkan tanggapan seseorang pengkaji. Di samping itu, pendekatan ini juga telah mengetepikan banyak perkataan yang seharusnya tergolong dalam kata

⁸ Menurut Robert (1954:11) berdasarkan pendefinisian tatabahasa, kata nama didefinisikan sebagai kata yang berfungsi sebagai subjek bagi kata kerja, manakala pendefinisian berdasarkan notional/semantik, kata nama ialah nama bagi orang, tempat atau benda.

nama dan kata kerja. Bahkan, disebabkan pergantungan kepada kriteria makna ini, perkataan seperti *ada, jadi, boleh* dan *dengar* digolongkan oleh Za'ba sebagai satu subgolongan kata kerja kerana perkataan ini dianggap sebagai “perkataan perbuatan yang tiada terang makna kerja di dalamnya” (Hashim Musa, 1973: 7-8). Bagaimanapun, tidak semua penggolongan kata berasaskan kriteria makna, misalnya kata sifat, penggolongan kata dilakukan berdasarkan fungsi atau tugasnya. Ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan dalam menggolongkan kata ini tidak tekal. Disebabkan kaedah tradisional ini kurang saintifik sifatnya, maka Asmah Hj. Omar (1962, 1993a), Law Yock Fang (1967, 1983, 1994), Abdullah Hassan (1986) dan Asraf Abdul Wahab (1978) menerapkan pendekatan struktural dalam penelitian golongan kata.

2.3.2 Pendekatan Struktural

Dalam penentuan golongan kata bahasa Melayu, ahli struktural menerapkan tiga kriteria, iaitu penanda golongan, fungsi golongan dan morfologi golongan (Asmah Hj. Omar, 1962: 441; 1993a: 163), Yock Fang (1967: 306-307; 1983: 131-132; 1994: 4), Asraf Abdul Wahab (1978:560) dan Abdullah Hassan (1986: 25).

Penanda golongan (*markers*) bererti penentuan golongan kata berdasarkan kehadiran perkataan-perkataan tertentu (kata yang tipikal) dengan golongan tertentu dalam sesuatu rangkai kata. Perkataan-perkataan ini dianggap sebagai penanda golongan kerana perkataan ini lazimnya hanya hadir bersama-sama

sesuatu golongan tetapi tidak bagi golongan yang lain. Teeuw (1962) menggunakan istilah *valensi* bagi menjelaskan konsep penanda ini, tetapi penanda yang dikemukakannya hanya tertumpu kepada kata sifat, maka tidak dapat diteliti penanda bagi golongan kata yang lain. Walau bagaimanapun, Asmah Hj. Omar (1962: 441-452) dan Yock Fang (1967: 307-314, 1983: 132-140, 1994: 5-6, 41-42) menghuraikan konsep penanda golongan dengan lebih luas, iaitu meliputi kata nama, kata kerja dan sifat. Ini ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

Jadual 2.8
Penanda Golongan Kata

Golongan Kata	Asmah Hj. Omar	Law Yock Fang
	Penanda Golongan	Penanda Golongan
Kata Nama	<i>di, ke, mengenai</i> + KN	<i>yang</i> + KN; <i>di, ke, kepada, dengan</i> + KN; KN + <i>itu/ini</i>
Kata Kerja	KK + <i>secara/dengan</i> + kata tambahan	KK + <i>dengan</i> , KB + KK
Kata Sifat	<i>paling, sangat, sekali</i>	<i>amat, sangat, sungguh, sekali, benar, betul</i>

Berdasarkan jadual ini, secara umumnya bentuk kata yang dijadikan penanda golongan oleh Asmah dan Law Yock Fang adalah sama. Yang berbeza adalah dari segi perincian setiap golongan. Selain kata sendi, Law Yock Fang (1983) turut menambah kata relatif *yang* dan ganti nama tunjuk *itu* dan *ini* sebagai penanda golongan kata nama; begitu juga dengan kata kerja, Law Yock Fang turut menjadikan kata bantu sebagai penanda kata kerja selain kata sendi *dengan*. Bagi kata sifat, Asmah dan Law Yock Fang beranggapan kata intensiti merupakan penanda tipikal bagi golongan ini. Menerusi penanda golongan ini, setiap golongan kata dapat ditentukan golongannya. Asraf Abdul Wahab (1978:560)

misalnya menggunakan penanda golongan sebagai penguji keahlian sesuatu golongan kata. Contohnya bagi perkataan *ada*, *jatuh* dan *mati* yang tidak mempunyai imbuhan awalan, penanda kata sifat dijadikan penguji dalam menentukan golongan kata ini. Apabila didapati rangkai kata seperti ini (**amat ada*, **sangat jatuh* dan **paling mati*) tidak wujud dalam konstruksi bahasa Melayu, maka penanda dapat menunjukkan bahawa perkataan ini bukan dalam golongan kata sifat.

Walaupun penanda dijadikan kriteria golongan kata, tetapi distribusi kata dalam struktur ayat masih merupakan kriteria penggolongan yang utama bagi ahli struktural. Hal ini disebabkan posisi kata di dalam ayat dapat menjelaskan fungsi sesuatu kata. Menerusi posisi dan fungsi ini, sesuatu perkataan dapat ditentukan golongan kata dengan lebih tepat kerana distribusi merupakan asas dalam pembinaan sesuatu ayat. Ayat yang gramatis mempunyai susunan kata yang tetap, iaitu susunan dari segi golongan kata dan hubungannya dengan golongan kata yang lain dalam struktur sintaksis. Dalam penggolongan bahasa Melayu, Asmah Hj. Omar (1962: 441-452), Yock Fang (1967: 307-314, 1983: 132-140) dan Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994) menjelaskan distribusi kata nama, kata kerja dan kata sifat dalam bahasa Melayu. Ini ditunjukkan oleh jadual yang berikut:

Jadual 2.9
Posisi dan Fungsi Golongan Kata

Golongan Kata	Asmah Hj. Omar	Law Yock Fang dan Abdullah Hassan
	Gatra	Gatra
Kata Nama	<ul style="list-style-type: none"> • Pelaku • Pelengkap • Diterangkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Subjek • Predikat • Objek • Objek sipi • Objek komplemen
Kata Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • Perbuatan + <i>dengan</i> + kata keterangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Predikat
Kata Sifat	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan • Predikat • Objek Komplemen

Berdasarkan jadual tersebut, ditunjukkan bahawa setiap golongan kata mengisi gatra tertentu yang juga merupakan fungsi golongannya. Di samping itu, daripada jadual ini ditunjukkan bahawa sesuatu golongan kata tidak terbatas kepada satu gatra sahaja, tetapi boleh hadir dalam beberapa gatra yang berbeza. Hal ini menjelaskan kepelbagaian fungsi sesuatu golongan kata dalam bahasa Melayu. Pada umumnya, terdapat persamaan antara Asmah Hj. Omar, Law Yock Fang dan Abdullah Hassan dalam menjelaskan distribusi kata nama, kata kerja dan kata sifat. Kesamaan ini secara tidak langsung menunjukkan fungsi tipikal atau gatra tipikal yang diduduki oleh sesuatu golongan kata. Berdasarkan jadual ini, dapat disimpulkan bahawa gatra tipikal bagi kata nama ialah gatra subjek, manakala gatra tipikal bagi kata kerja ialah predikat dan bagi kata sifat gatra tipikalnya ialah gatra menerangkan/penerang. Perbezaan antara Asmah Hj. Omar dengan Law Yock Fang dan Abdullah Hassan hanyalah berlaku pada gatra-gatra lain yang turut ditempati/diisi oleh sesuatu golongan kata dan gatra ini bukan merupakan gatra tipikal bagi golongan kata tersebut.

Selain daripada distribusi kata, golongan struktural juga menentukan golongan kata berdasarkan struktur dalaman, iaitu dari sudut morfologi. Berdasarkan kriteria ini, penggolongan kata diteliti dari aspek imbuhan, iaitu imbuhan dijadikan ciri atau penanda bagi sesuatu golongan. Aspek ini digunakan oleh Teeuw dan kaedah yang digunakannya berdasarkan kaedah Uhlenbeck, iaitu kaedah yang digunakan bagi penggolongan bahasa Jawa. Menerusi kaedah ini, Teeuw telah meneliti morfologi kata sifat dari segi paradigmatic, misalnya *besar-besar*, *terbesar*, *maha besar*, *sebesar itu*, dan *sebesar-besarnya*. Bagaimanapun, kaedah paradigmatic yang digunakan oleh Teeuw ini tidak sesuai digunakan terhadap bahasa yang bersifat aglutinatif kerana kaedah ini hanya sesuai digunakan bagi bahasa yang bersifat fleksi, iaitu bahasa yang memiliki daya urutan dalam ayat (*energy of sequence*). Bahasa fleksi juga merupakan bahasa yang menimbulkan *sentence word*, iaitu kata yang terkandung di dalamnya pelaku dan perbuatan seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Sebaliknya, bahasa Melayu yang sifatnya berbeza daripada bahasa tersebut, iaitu bersifat aglutinatif, aspek imbuhan memainkan peranan penting dalam morfologinya dan morfologi ini turut dijadikan penanda golongan. Ini dapat dilihat dalam Asmah Hj. Omar Haji Omar (1993b), Law Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994) dengan menjadikan imbuhan tertentu sebagai penanda golongan. Ini ditunjukkan oleh jadual yang berikut:

Jadual 2.10
Imbuhan Golongan Kata

Golongan	Imbuhan	Imbuhan	Imbuhan
----------	---------	---------	---------

Kata	Awalan	Akhiran	Apitan
Kata Nama	<ul style="list-style-type: none"> • <i>peN-</i> • <i>ke-</i> • <i>juru-</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>-an</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>peN...-an</i> • <i>per...-an</i> • <i>ke...-an</i>
Kata Kerja	<ul style="list-style-type: none"> • <i>meN-</i> • <i>ber-</i> • <i>ter-</i> • <i>per-</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>-kan</i> • <i>-i</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • <i>ber...-an</i> • <i>ke...-an</i>
Kata Sifat	<ul style="list-style-type: none"> • <i>ter-</i> • <i>ke-</i> • <i>se-</i> 		<ul style="list-style-type: none"> • <i>peN...-an</i> • <i>ke...-an</i>

Bagaiamanapun, antara kedua-dua aspek ini, aspek sintaktik lebih diutamakan daripada aspek morfologi. Hal ini menyamai penggolongan kata dalam bahasa Inggeris.

2.3.3 Pendekatan Transformasi Generatif

Dalam pendekatan transformasi generatif, pemilihan kriteria diselaraskan dengan status perkataan, iaitu perkataan sebagai bentuk bebas menjadi unsur inti dalam binaan tatabahasa – frasa, klausa dan ayat. Justeru, unsur yang menjadi kata inti dalam sesuatu binaan tatabahasa amat dipentingkan. Sama seperti kriteria-kriteria yang digunakan sebelum ini, Nik Safiah Karim (1995: 83) dan Ramli Salleh (1995: 5,9) turut menggunakan kriteria sintaksis, di samping kriteria semantik dalam penggolongan kata.

Bagi frasa nama, kerja dan sifat yang merupakan frasa endosentik, maka setiap binaan frasa tersebut mempunyai satu unsur inti. Unsur inti bagi frasa nama

ialah kata nama, inti bagi frasa kerja ialah kata kerja, manakala inti bagi frasa sifat ialah kata sifat. Berdasarkan kata inti ini, kata dapat dibahagikan kepada golongan kata nama, kata kerja dan kata sifat. Kata selain daripada golongan kata yang tersebut digolongkan sebagai kata tugas dan golongan ini bersifat heterogen. Oleh itu, setiap golongan kata didefinisikan berdasarkan kriteria sintaksis dan makna. Contohnya, kata nama didefinisikan sebagai sejumlah kata yang boleh menjadi unsur inti pada binaan frasa nama dan lazimnya kata ini menamakan orang, tempat atau benda.

2.3.4 Pendekatan Data Korpus Berkomputer

Sama seperti kajian terhadap bahasa Inggeris, kajian berasaskan data korpus berkomputer turut menjadi aliran utama dalam kajian bahasa, antaranya kajian yang dilakukan oleh Norliza Jamaluddin (2000), Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2003, 2006, 2008), Abdullah Hassan et al. (2008), Zaharani Ahmad (2008), Idris Aman (2008), Nor Hashimah Jalaluddin (2008) dan Imran Ho Abdullah (2008). Bagaimanapun, penelitian terhadap golongan kata, khususnya kata sifat masih rendah dan hanya Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2003, 2006, 2008), Abdullah Hassan et al. (2008) dan Zaharani Ahmad (2008) yang meneliti penggolongan kata bahasa Melayu.

Bagi kajian Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2003, 2006, 2008), kata sifat diteliti dari sudut sintaktik, iaitu berdasarkan gatra dan unsur pengisi (lihat 4.3) serta sesesaran sintaktik (lihat 4.5). Dengan menggunakan data korpus

sejumlah 120,000 patah perkataan, Knowles dan Zuraidah mendapati kata sifat hadir dalam tiga posisi, iaitu posisi penerang nama yang merupakan posisi tipikal kata sifat dan dua posisi lain yang merupakan posisi predikat dan posisi penerang predikat (2006:101). Dalam posisi predikat dan penerang predikat, kata sifat dikatakan telah mengalami sesesaran sintaktik, iaitu berubah kedudukannya daripada posisi asal (sebagai penerang nama) kepada posisi tipikal kata kerja dan kata adverba (2003: 7).

Dalam buku karangan Abdullah Hassan et al. (2008) pula, data korpus hanya digunakan sebagai ayat contoh bagi menjelaskan rumus yang terkarang di dalam buku *Tatabahasa Dewan*. Kajian Zaharani Ahmad (2008:65) pula meneliti kata sifat yang menjadi kata dasar bagi kata kerja terbitan yang berpola *memper- + kata sifat + -kan*. Dengan menggunakan sejumlah 319 kata kerja terbitan, kajian ini mendapati bahawa 88.7 peratus kata kerja terbitan adalah dalam pola ini, manakala selebihnya dalam pola *memper-*. Pembuktian daripada data korpus ini dan dengan disokong oleh sistem pengimbuhan, penggandaan dan morfosintaksis bahasa Melayu, maka Zaharani beranggapan bahawa pola ini gramatis, walaupun rumus bahasa sebelum ini menganggap bentuk ini menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu. Kajian ini juga beranggapan bahawa kelewahan dalam pengimbuhan *memper-kan* pada kata sifat merupakan sebahagian daripada ciri pengimbuhan dalam bahasa Melayu dan sewajarnya pola ini diterima pakai dalam bahasa Melayu.

Berdasarkan kajian-kajian yang berasaskan data korpus ini, didapati bahawa data korpus mampu menyediakan bahan bukti yang dapat membantu penyelidik untuk mengukuhkan, menentusahkan dan meneliti semula rumus-

rumus yang dihasilkan oleh ahli bahasa sebelum ini. Sesuatu golongan kata dapat diselidiki dengan mendalam dan dilakukan penelitian secara khusus disebabkan jumlah data yang banyak.

2.4 Kesimpulan

Daripada huraian di atas, penelitian golongan kata bukanlah suatu kajian yang baharu, malahan, aspek ini telah dikaji sejak zaman Yunani lagi. Bagi bahasa Melayu, aspek penggolongan kata merupakan salah satu aspek yang telah lama dikaji oleh ahli-ahli bahasa sama ada ahli bahasa barat mahupun tempatan. Menerusi buku-buku tatabahasa yang dihasilkan, didapati aspek ini telah wujud sejak abad ke-19 lagi. Sejak itu, aspek ini terus dibincangkan dalam menentukan golongan kata bahasa Melayu dan beberapa kaedah telah diterapkan. Pada peringkat awal, bahasa Melayu yang terpengaruh dengan tatabahasa Inggeris turut menerapkan kriteria semantik.

Bagaimanapun, perkembangan dalam kajian linguistik di Barat telah memberi kesan terhadap kaedah penggolongan kata bahasa Melayu. Kaedah tunggal yang bersifat tradisional telah digabungkan dengan kaedah yang lebih formal dalam mencirikan golongan kata. Aspek semantik tidak lagi dijadikan aspek tunggal, tetapi aspek sintaksis, morfologi dan taburan kata dalam ayat turut diambil kira dalam penentuan golongan kata dalam bahasa Melayu. Justeru, bagi meneliti kata sifat bahasa Melayu, kajian ini turut menggunakan kaedah eklektik, iaitu dengan menggabungkan pendekatan struktural, pendekatan tagmemik,

pendekatan fungsional dan data korpus berkomputer. Berdasarkan pendekatan struktural, taburan kata sifat di dalam ayat diteliti. Taburan atau kehadiran kata sifat pada satu-satu posisi dapat menjelaskan fungsi yang dijalankan oleh kata sifat dalam sesebuah ayat.

Dari segi tagmemik pula, diteliti golongan kata yang boleh hadir dalam sesuatu posisi. Hal ini kerana posisi/gatra yang sama boleh diisi oleh golongan kata/unsur pengisi yang berbeza. Gatra dan unsur pengisi ini penting dalam menentukan golongan kata yang menjalankan sesuatu fungsi. Dari sudut fungsional pula, diteliti fungsi tipikal kata sifat. Hal ini demikian kerana setiap golongan kata mempunyai fungsi yang lebih menonjol berbanding fungsi-fungsi yang lain. Perilaku fungsi kata sifat ini hanya dapat diteliti dengan menggunakan pendekatan berasaskan data korpus berkomputer kerana menerusi perisian tertentu, data korpus dapat memaparkan baris-baris konkordans, frekuensi kata dan senarai kata yang ingin diteliti. Di samping itu, data korpus berkomputer membolehkan data ditangani dengan tuntas, cepat dan mudah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN